

Taekwando UMT ukir rekod tersendiri

84 15/09/07 Pg. T23



Skuad taekwando UMT bergambar bersama medal yang dimenangi pada Kejohanan Taekwando Terbuka MMU Kali Ke-3, kelmarin.

Berjaya mengutip satu emas, lima perak dan satu gangsa, sekali gus mempertahankan gelaran naib juara yang disandang pada tahun lepas.

■ BHARUDDIN SULONG

KUALA TERENGGANU - Skuad taekwando Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengukir rekod tersendiri selepas mengutip satu pingat emas, lima perak dan satu gangsa pada Kejohanan Taekwando Terbuka Universiti Multimedia (MMU) Kali Ke-3 yang berakhir di MMU Kampus Melaka, kelmarin.

Kejayaan ini membolehkan mereka memper-

tahankan gelaran naib juara yang disandang pada tahun lepas, sekali gus menjadi pesaing sengit kepada juara bertahan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang turut mengungguli kejohanan pada kali ini.

Emas tunggal UMT pada kejohanan ini disumbangkan oleh Noorlee Boonazir menerusi kategori 'finweight' selepas menewaskan peserta dari MMU, Tan Ying Jiun.

Pingat perak pula masing-masing diperoleh oleh Wee Nee Ageline (welter-weight), Siti Aishah Suski (middleweight), Akalili Fakhriah Ahmad Fudzi (lightweight), Siti Syahidah Nor Ayob (featherweight) dan Moniliza Mujan Meran (heavyweight).

Sementara itu, Megat Fakhruddin Megat Amat pula membantu UMT mendapatkan satu-satunya pingat gangsa selepas menewaskan Mohd Hanafi Mohd Noh dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Pengurus pasukan, Jassmin Johari berkata, meskipun sedikit terkilan kerana masih gagal merampas gelaran juara dari UIAM pada tahun ini, dia tetap berpuas hati dengan persembahan keseluruhan yang dipamerkan oleh anak-anak buahnya.

"Kami gembira kerana masih mampu mempertahankan gelaran naib juara yang disandang tahun lepas dan kami akan berusaha merampas gelaran juara pada tahun depan," katanya.